# KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 1. | M'sian school kids to get chance to name star, exoplanet in contest, says Yeo | The Star | Klik pada tajuk berita |
| 2. | Perak says more time needed for blanket ban on plastic bags like Penang | Malay Mail | Klik pada tajuk berita |
| 3. | Penang to crack down on illegal plastic waste processing | The Edge Prop | Klik pada tajuk berita |
| 4. | Analysis on Kuala Koh water completed, says Chemistry Dept | The Malaysian Insight | Klik pada tajuk berita |
| 5. | Planetarium Negara anjur program lawatan bekas angkasawan NASA | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 6. | Malaysia terima planet, bintang untuk dinamakan | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 7. | Malaysia diberikan sebuah planet dan bintang untuk dinamakan | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 8. | TNB fokus isu pengguna | Harian Metro | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 1 |
| 9. | 85 peratus aduan bil TNB tinggi selesai | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 10. | TNB selesaikan 85 peratus aduan kenaikan bil / TNB selesai 15,000 aduan | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 2 |
| 11. | 274 kilang sepanjang jajaran Sungai Kim Kim / 274 kilang cemari Sungai Kim Kim | Berita Harian | Klik pada tajuk berita / Rujuk |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | lampiran 3 |
| 12. | Sisa Lynas disimpan dengan selamat - Lynas | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 13. | Sabah district flooded after hours of downpour | Free Malaysia Today | Klik pada tajuk berita |
| 14. | Lebih 85 peratus diselesaikan | Kosmo! | Klik pada tajuk berita |
| 15. | TNB: 85pc of complaints on electricity bill spike resolved | Malay Mail | Klik pada tajuk berita |
| 16. | TNB resolves 15,000 complaints / TNB: 15,000 Complaints Resolved | New Straits Times | Klik pada tajuk berita / Rujuk lampiran 4 |
| 17. | 85% of high electricity bills complaints resolved: TNB | The Sun Daily | Klik pada tajuk berita |
| 18. | TNB: 85% of complaints on sky high electricity bills resolved | The Edge Markets | Klik pada tajuk berita |
| 19. | PAS P. Pinang beri maklum balas EIA bantah PSR | Harakah Daily | Klik pada tajuk berita |
| 20. | Electronics company commits to carbon neutrality | The Star | Rujuk lampiran 5 |
| 21. | Bantah beri AP sisa plastik | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 6 |
| 22. | TNB fokus isu lebihan caj elektrik | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 7 |
| 23. | TNB selesai 15,000 aduan pengguna | Berita Harian | Rujuk lampiran 8 |
| 24. | Fokus teknologi hijau | Harian Metro | Rujuk lampiran 9 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25. | **Perlu ramai pakar sains** | | Rujuk lampiran 10 |

**TEMPATAN**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 26. | **Jumlah kematian di Kuala Koh lebih ramai - Armada** | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 27. | **Baki lapan keluarga mangsa banjir dibenar pulang hari ini** | Sinar Harian | Klik pada tajuk berita |
| 28. | **Tiga penempatan di Bakong terputus hubungan** | Harian Metro | Klik pada tajuk berita |
| 29. | **TNB: 85% of 'Sky High Bill' Complaints Resolved** | The Sun Daily | Rujuk lampiran 11 |
| 30. | **Lynas tegaskan sisa dihasilkan disimpan dengan selamat** | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 12 |
| 31. | **TNB resolves majority of electricity bill complaints** | The Star | Rujuk lampiran 13 |
| 32. | **Serba Dinamik banking on IT for growth** | The Sun Daily | Rujuk lampiran 14 |
| 33. | **Clean up area near Batu Caves school, MPS urged** | The Star | Rujuk lampiran 15 |
| 34. | **We cannot Solve The World's Problems but We Can Be Part of The Solution** | The Sun Daily | Rujuk lampiran 16 |
| 35. | **Tukar 'port' buang sisa pepejal** | Harian Metro | Rujuk lampiran 17 |
| 36. | | Kosmo! | Rujuk lampiran |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Lebih 85 peratus diselesaikan** | | 18 |
| 37. | **Lynas critics should be magnanimous** | The Star | Rujuk lampiran 19 |

**ANTARABANGSA**

| Bil | Berita | Media | Capaian Berita Penuh |
|---|---|---|---|
| 38. | **Taufan Vayu: 300,000 penduduk di Gujarat dipindahkan** | Astro Awani | Klik pada tajuk berita |
| 39. | **Have your plate and eat it** | The Sun Daily | Rujuk lampiran 20 |
| 40. | **Cyclone batters fishing hub** | The Star | Rujuk lampiran 21 |

# LAMPIRAN 1
## HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14
## TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)




AMIR Hamzah (tengah) melayan tetamu pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB di Dewan Sebaguna Kompleks Sukan TNB.

Idris Musa
idris@hmetro.com.my

# TNB fokus isu pengguna

■ *Syarikat pembekal tenaga elektrik sudah selesaikan 15,000 aduan orang ramai*

**Kuala Lumpur**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberi tumpuan sepenuhnya dalam menyelesaikan semua aduan diterima termasuk melakukan siasatan terperinci berhubung isu bil elektrik tinggi dihadapi pengguna.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, fokus beliau buat masa ini adalah untuk menyelesaikan isu berkaitan pengguna itu.

"Setakat yang saya lihat semalam (kelmarin), kita dapat dalam 18,600 aduan dan pertanyaan. Pasukan kita telah menyelesaikan lebih daripada 15,000 aduan. Alhamdulillah ada kemajuan.

"Jadi, sampai kita dah habis selesaikan semua orang, kita masih fokus nak menyimpulkan siasatan.

"Kita perlu fahami apa isu sebenar dan macam mana nak memantau agar tidak berulang balik. Itu fokus saya," katanya pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB, semalam.

Harian Metro melaporkan syarikat pembekal tenaga elektrik utama negara itu akan dikenakan penalti oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) selepas didapati melakukan beberapa kesalahan dan ketidakpatuhan menyediakan perkhidmatan utiliti kepada pengguna.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yeo Bee Yin dilaporkan berkata, ST sedang menyenaraikan jumlah kesalahan dilakukan TNB sebelum mengumumkan penalti yang perlu dibayar syarikat itu.

Katanya, siasatan mendapati TNB melakukan kesalahan kerana tidak menepati prestasi perkhidmatan piawai ditetapkan kementerian dalam menyediakan perkhidmatan elektrik.

Ditanya berhubung tindakan penalti itu, Amir Hamzah berkata, buat masa ini beliau belum melihat perkara berkenaan.

"Yang penting untuk kita selesaikan masalah yang kita ada ni dulu. Kita berkhidmat untuk pengguna, (itu) yang paling pentinglah," katanya yang turut menjelaskan TNB selalu bekerjasama dengan ST.

**LAMPIRAN 2**
**SINAR HARIAN: MUKA SURAT 12**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# TNB selesai 15,000 aduan

*Syarikat utiliti nasional fokus selesaikan isu dihadapi pelanggan*

RIDAUDDIN DAUD

BANGSAR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menyelesaikan sebanyak-lebih 15,000 kes daripada 18,600 aduan yang diterima syarikat utiliti itu berhubung kenaikan bil elektrik melibatkan penggunanya di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, sejak kelmarin TNB telah menyelesaikan hampir 85 peratus kes yang diterima pada April dan Mei tahun ini dan kini hanya tinggal 3,500 kes yang masih belum selesai.

Menurutnya, meskipun semua aduan telah diatasi sepenuhnya, pihaknya masih akan memberi fokus untuk menyelesaikan siasatan dan mencari punca berlakunya masalah tersebut.

**BIL ELEKTRIK TINGGI**

"Dari segi penyelesaian, kita nampak ada perkembangan. Selepas kita selesaikan semua aduan, kita masih fokus untuk selesaikan siasatan. Baki sebanyak 3,500 aduan yang belum diselesaikan, kita akan buat siasatan lebih teliti.

"Kalau kita siasat dan mendapati TNB tersalah, bil mereka berlebihan, kita akan pulangkan (kepada pengguna)," katanya kepada pemberita pada Majlis Mesra Aidilfitri Tenaga Nasional 2019 di sini semalam.

Sementara itu, ketika ditanya berhubung penalti yang akan dikenakan Suruhanjaya Tenaga (ST) terhadap TNB, Amir Hamzah menegaskan, fokus beliau sekarang adalah untuk menyelesaikan aduan pengguna terlebih dahulu.

"Buat masa ini saya tak tengok perkara (penalti) itu lagi. Yang penting kita selesaikan masalah pengguna dulu. Khidmat kepada pengguna paling penting.

"Setakat ini kita tak buat apa, kita tengok macam mana dulu. Kita bagi habis urusan pengguna dulu," katanya.

Beliau berkata, TNB sentiasa bekerjasama dengan ST dan berkongsi segala data serta maklumat dengan suruhanjaya tersebut.

Sementara itu, Amir Hamzah menjelaskan, segala urusan penetapan tarif baharu elektrik bukan di bawah bidang kuasa TNB.

"Tarif dikendalikan ST. Biasanya ia akan dibincangkan dan Kabinet akan melihatnya. Itu terpulang kepada apa yang ST buat. Ia bukan bidang kuasa TNB.

"Kena tunggulah. Kalau nak tahu apa yang telah ditetapkan, kena tunggu pengumuman dan tunggu ST kerana itu bukan bidang kuasa TNB," katanya.

FOTO: TNB NEWSROOM



Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah bersama Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie (dua dari kanan) dan Amir Hamzah (kiri) pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB Peringkat Korporat 2019 di Kompleks Sukan TNB, Bangsar semalam.

**LAMPIRAN 3**
**BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 21**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# 274 kilang cemari Sungai Kim Kim

Lembangan bahagian hulu padat kawasan perindustrian

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Pasir Gudang

Sebanyak 274 kilang di sepanjang jajaran Sungai Kim Kim, di sini dikesan menjadi penyebab masalah pencemaran di sungai berkenaan sukar dikawal.

Menurut sumber, jumlah itu direkodkan dalam bancian sebelum dan selepas isu pencemaran sisa kimia berbahaya di sungai berkenaan yang menggemparkan negara, Mac lalu.

Katanya, lembangan Sungai Kim Kim sepanjang 15 kilometer itu antara sungai yang padat dengan kawasan perindustrian di bahagian hulunya menyebabkan penguatkuasaan undang-undang sukar dilaksanakan dengan berkesan.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh berupaya mengesan pemilik kilang yang melepaskan sisa berbahaya tidak dirawat ke sungai kerana memiliki sistem khas latar belakang syarikat, termasuk bahan diproses di kilang kerana ia syarat utama sebelum dibenarkan beroperasi.

"Cuma, yang sukar dikawal kewujudan kilang haram kerana agensi kerajaan tiada maklumat mengenai operasi mereka dan apa yang diproses, apatah lagi sisa apa yang mereka lepaskan ke sungai kita," katanya.

Justeru, penguatkuasaan bersepadu perlu dilaksanakan secara berterusan di kawasan perindustrian di sepanjang Sungai Kim Kim.

Ia berikutan jajaran berada berdekatan penempatan manusia, termasuk taman perumahan, kampung tradisional serta kampung nelayan menjadikan pencemaran mampu mendatangkan ancaman.

*BH* semalam melaporkan, selepas tiga bulan diisytiharkan bebas dan selamat daripada pencemaran sisa kimia berbahaya, Sungai Kim Kim, di sini berdepan masalah pencemaran sampah-sarap, selain menjadi semakin cetek hingga menjejaskan kehidupan komuniti nelayan setempat.

## Sisa makanan, plastik cemar sungai

Antara sampah yang kerap dibuang dan ditemui nelayan termasuk sisa makanan, plastik sampah, kayu serta bahan binaan termasuk batu-bata menyebabkan nelayan yang turun ke Sungai Kim Kim perlu berhati-hati membawa bot masing-masing.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor, Che Mohd Dahan Che Jusof, ketika dihubungi mengakui isu sampah menjadi masalah baharu Sungai Kim Kim yang sukar dibendung selepas pencemaran sisa kimia berbahaya.

"Ketika pembersihan Sungai Kim Kim pegawai dan kakitangan JPS menjadi saksi wujud golongan yang membuang sampah ke dalam sungai berkenaan dengan sesuka hati.

"Jika kehadiran anggota kerajaan pun mereka tidak takut membuang sampah sesuka hati, apatah lagi jika tiada kehadiran sesiapa di situ menyebabkan Sungai Kim Kim seolah-oleh menjadi tong sampah," katanya.

Berhubung isu Sungai Kim Kim yang kini cetek, JPS akan menghantar pegawai untuk menjalankan siasatan kerana ia tidak sepatutnya berlaku berikutan pembersihan yang dilakukan Mac lalu, hanya membuang kawasan tebing sungai yang terjejas dengan sisa kimia berbahaya.

"Bahagian dasar sungai langsung tidak diusik kecuali jika ada enapan yang turut tercemar, " katanya.



"Ketika pembersihan Sungai Kim Kim pegawai dan kakitangan JPS jadi saksi wujud golongan yang buang sampah ke dalam sungai itu dengan sesuka hati"

***Che Mohd Dahan Che Jusof,***
*Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor*

**LAMPIRAN 4**
**NEW STRAITS TIMES (BUSINESS/ NEWS): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

ELECTRICITY CHARGES

# TNB: 15,000 COMPLAINTS RESOLVED

Utility assures it will address issue of high bills affecting 3,000 more customers

NORA MAHPAR
**KUALA LUMPUR**
bt@mediaprima.com.my

TENAGA Nasional Bhd (TNB) has resolved 15,000 complaints from the account holders who complained of a sharp rise in their electricity bills last month.

Group president and chief executive officer Amir Hamzah Azizan said TNB received 18,600 complaints regarding consumers' electricity bills.

"There was an increase in complaints over the last two weeks from 14,000 previously but we managed to resolve most of the issues swiftly.

"We remain focused on resolving the issues faced by the remaining three thousand account holders. We will test the meters to identify the real problem.

"So, if there is a mistake from TNB of overcharging we will fix it," said Amir Hamzah at the TNB Aidilfitri open house, here, yesterday.

TNB had previously acknowledged there was a disruption in its system from May 15 to May 20 and, therefore, causing some customers to receive higher bills.

TNB said technical issues had affected the billing system but assured customers had been informed of the matter.

On the potential penalties by the Energy Commission on TNB, Amir Hamzah said it had not received any letter from the commission.

"The more important thing for us now is to solve consumers' problems first. That is our priority right now," he added.



*Tenaga Nasional Bhd group president and chief executive officer Amir Hamzah Azizan mingling with guests at its Aidilfitri open house in Kuala Lumpur yesterday.* PIC BY NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN

**LAMPIRAN 5**
**THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 16**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Electronics company commits to carbon neutrality

LG ELECTRONICS (LG) has launched its aggressive "Zero Carbon 2030" initiative, committing to achieving net-zero carbon emissions from its global operations within 12 years.

As part of its larger sustainable business strategy, LG plans to reduce carbon emissions from its global operations by 50% by implementing various carbon reduction and renewable energy initiatives.

The effort is expected to be achieved by balancing carbon emissions with carbon removal.

Through a variety of strategic initiatives, the company will cut carbon emissions across its global production sites from nearly two million tonnes in 2017 to 960,000 tonnes by the end of 2030.

The company also plans to expand its high-efficiency facilities and technologies, targeting greenhouse gas reduction and alleviating the creation of carbon emissions during the production process.

The company said it would expand renewable energy installations using solar energy products and actively utilise its own business-to-business technology solutions such as high-efficiency chillers and Energy Management Systems (EMS) to reduce carbon emissions.

"Our commitment to combating global climate change is unwavering. LG's progressive steps in reducing carbon emissions at workplaces the world over, with many more UN CDM (Clean Development Mechanism) projects in the works, exemplify the company's commitment to environmental sustainability leadership," said vice-president (environmental safety) Lee Young-jae.

LG Electronics Malaysia managing director Kim Kyutae said the company had adopted a green product strategy that reduced environmental impacts throughout the life cycle of its products, including reducing CO2 emissions.

"This complements the recent announcement by Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin to implement 73 initiatives to reduce greenhouse gas emissions in the country.

"As a leader in global innovation, it is imperative for us to continuously research and introduce innovative, sustainable products and services for the betterment of our environment," he added.

> "It is imperative for us to continuously research and introduce innovative, sustainable products and services for the betterment of our environment."
>
> **Kim Kyutae**

**LAMPIRAN 6**
**UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Bantah beri AP sisa plastik

**SAUDARA PENGARANG,**

**ADAKAH** usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk membanteras import sisa plastik dari negara asing hanyalah retorik semata-mata? Ini ekoran pendedahan Penolong Pengarah (Unit Kemudahan dan Permit Import), Jabatan Pengurusan Sisa dan Pepejal Negara, Wemi Kalsuna Katerun baru-baru ini bahawa sebanyak 62 syarikat tempatan telah diberi permit import (AP) untuk membawa masuk bahan tersebut ke Malaysia.

Pendedahan berkenaan amat mengejutkan dan ramai rakyat berasa kecewa kerana Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin sebelum ini dilihat tegas membanteras kemasukan sisa plastik berkenaan.

Oleh itu, kerajaan perlu mendedahkan senarai nama 62 syarikat tempatan yang telah diberi kelulusan untuk mengimport sisa berkenaan serta lokasi masing-masing supaya operasi mereka dapat dipantau oleh rakyat.

Sebenarnya, percanggahan seperti ini tidak akan berlaku sekiranya kementerian dan agensi berkaitan menyelaraskan tindakan masing-masing.

Sehubungan itu, kerajaan disaran menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang terdiri daripada jabatan dan agensi berkaitan untuk mencari jalan penyelesaian isu kemasukan sisa plastik dari negara asing.

Janganlah kita biarkan usaha membanteras kemasukan sisa plastik menjadi sia-sia dan sekadar satu lagi wayang politik. Nasihat kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH), utamakan kesejahteraan rakyat dan alam sekitar.

**LEE YEE YUAN**
Jurucakap Pemuda MCA

# LAMPIRAN 7
## UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 11
## TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)



**AMIR HAMZAH AZIZAN (barisan belakang, tengah) bersama urusetia majlis dalam Mesra Aidilfitri TNB 2019 di Kuala Lumpr, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN**

# TNB fokus isu lebihan caj elektrik

**KUALA LUMPUR 13 Jun** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengulangi komitmen untuk memberi fokus kepada mengatasi dan menyelesaikan isu lebihan kadar caj elektrik membabitkan semua pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, ini kerana, perkara itu dilihat lebih penting berbanding isu lain sehingga siasatan penuh perkara tersebut selesai.

Kata beliau, pihaknya bagaimanapun tidak menerima sebarang notis daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) berhubung tindakan penalti berhubung isu tersebut.

"Seperti yang saya katakan sebelum ini, buat masa ini saya tidak tengok perkara itu (tindakan penalti oleh ST) lagi. Yang penting untuk kita ini adalah kita selesaikan masalah yang ada ketika ini.

"Pada kita, khidmat untuk pengguna paling penting. Itu fokus TNB," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Mesra Aidilfitri TNB 2019 yang dihadiri lebih 2,000 tetamu terdiri daripada rakan kongsi, pihak kerajaan, agensi dan kontraktor.

Semalam, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, TNB akan dikenakan penalti oleh ST selepas didapati melakukan beberapa kesalahan dan ketidakpatuhan menyediakan perkhidmatan utiliti kepada pengguna.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, pada Mei lalu, sebanyak 18,000 maklum balas diterima dan daripada jumlah itu, 85 peratus berjaya diselesaikan dengan pemulangan lebihan caj berkenaan.

"Lebihan caj itu telah pun dipulangkan menerusi kredit terus dalam akaun pengguna dan ada juga dipulangkan dalam bentuk fizikal," ujarnya.

**LAMPIRAN 8**
**BERITA HARIAN: MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

ISU PENINGKATAN MENDADAK BIL ELEKTRIK

# TNB selesai 15,000 aduan pengguna

Syarikat buat ujian meter di rumah kenal pasti masalah

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Bhd (TNB) sudah menyelesaikan 15,000 aduan pemegang akaun susulan peningkatan mendadak tarif elektrik dalam bil pelanggan kediaman pada Mei lalu.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amir Hamzah Azizan, berkata setakat kelmarin, pihaknya menerima 18,600 aduan berhubung tarif bil pengguna.

"Terdapat peningkatan aduan berbanding dua minggu lalu di mana ketika itu hanya 14,000 aduan diterima dan kita lihat kemajuan penyelesaian sangat cepat.

**Pulang lebihan caj**

"Kita masih fokus untuk selesaikan masalah pelanggan dan baki lebih 3,000 akaun, kita akan ke rumah pengguna buat ujian meter bagi kenal pasti masalah sebenar.

"Jadi dari sini, jika ada kesilapan daripada TNB atau terlebih caj, kita akan pulangkan kepada pengguna," katanya kepada media pada Majlis Mesra Aidilfitri TNB di Kuala Lumpur, semalam.

TNB sebelum ini mengakui ada gangguan dalam sistem mereka pada 15 Mei hingga 20 Mei lalu menyebabkan segelintir pengguna menerima bil tinggi.

Isu teknikal berkenaan memberi kesan kepada sistem pengebilan TNB, namun pelanggan sudah dimaklumkan berhubung hal itu.

Mengulas tindakan Suruhanjaya Tenaga (ST) yang akan mengenakan penalti kepada TNB selepas syarikat utiliti itu didapati melakukan beberapa kesalahan antaranya kesalahan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, Amir Hamzah berkata, buat masa sekarang pihaknya tidak menerima surat daripada suruhanjaya berkenaan.

"Buat masa ini kita belum tengok lagi. Apa yang penting, kita selesaikan masalah pengguna. Itu keutamaan ketika ini," katanya.

**LAMPIRAN 9**
**HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 36**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Fokus teknologi hijau

## MAVCAP rancang perkenal tiga VC dalam tempoh 6 bulan

**Sofyan Rizal Ishak**
sofyan.rizal@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) merancang memperkenalkan dua hingga tiga lagi dana modal teroka (VC) baharu dalam tempoh enam bulan akan datang.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shahril Anas Hasan Aziz berkata, dana yang akan diwujudkan melalui kerjasama rakan korporat tempatan dan pelabur asing itu memberi fokus kepada teknologi hijau dan aspek berkaitan teknologi.

"Kami kini sedang dalam perbincangan ke arah merealisasikan kewujudan dana itu dengan dana berkaitan teknologi hijau bakal diperkenalkan dalam suku ketiga tahun ini manakala dana yang lain menjelang sebelum hujung tahun ini," katanya pada Bisnes Metro di sini, baru-baru ini.

Mavcap adalah syarikat dana modal teroka (VC) di bawah Kementerian Kewangan yang ditubuhkan pada 2001 bertujuan membangunkan ekosistem teknologi di negara ini melalui pelaburan ke atas syarikat permula teknologi berpotensi tempatan dan serantau.

Syarikat ini memberi fokus kepada syarikat dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta industri pertumbuhan tinggi dengan pelaburan secara langsung atau pelaburan secara kerjasama dengan rakan VC.

Pada masa ini, syarikat itu memiliki lapan dana iaitu ECM Straits Fund 1, Gobi Fund III, 500 Durians, Dana Superseed Asean Gobi Mavcap, Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF), Dana Pertumbuhan Meranti Asean, Dana Teknologi Hijau Asia dan Vynn Capital.

Mengulas mengenai prospek tahun ini, Shahril berkata, pihaknya optimis akan terus mencatatkan peningkatan nilai pelaburan portfolio atau syarikat di bawah dana ditawarkan seperti Dana Gobi.

Menurutnya, keyakinan itu juga berdasarkan jangkaan keuntungan belum direalisasikan dan diumumkan bagi tahun lalu yang menyaksikan nilai syarikat yang dilabur mencatatkan peningkatan berbanding 2017.

"Secara lazimnya, pelaburan portfolio akan mengambil masa antara tiga hingga lima tahun dan kami sebagai pelabur lebih cenderung untuk menawarkan dana melalui kerjasama dengan pelabur asing dan pihak korporat tempatan untuk melabur dalam syarikat berpotensi tinggi kerajaan," katanya.

Setakat ini, Mavcap melakukan pelaburan terhadap syarikat yang merentasi keseluruhan spektrum ekonomi membabitkan sebanyak 67 portfolio atau syarikat seperti Grab dalam sektor perkhidmatan e-hailing, Fashion Valet (jenama fesyen atas talian) dan Easy Parcel (pasaran perkhidmatan kurier atas talian).




> "Mavcap melabur dalam syarikat yang merentasi seluruh spektrum ekonomi"
> **Shahril Anas Hasan Aziz**

**LAMPIRAN 10**
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

FOTO: NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN




*BEE Yin (dua dari kanan) bersama Bolden (kiri) pada program U.S Space Envoy Visit di Planetarium Negara, semalam.*

**Ekhwan Haque Fazlul Haque**
ekhwan@hmetro.com.my

# Perlu ramai pakar sains

## ■ Kementerian rangka pelbagai inisiatif jadikan sains, teknologi sebahagian hidup rakyat

**Kuala Lumpur**

Malaysia memerlukan rakyat yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang sains serta teknologi supaya seiring dengan perkembangan global.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata, kementerian mempunyai pelbagai inisiatif untuk memastikan hasrat kerajaan agar rakyat negara ini menjadikan sains dan teknologi sebahagian daripada kehidupan.

Menurutnya, sebelum ini tiada siapa menyangka akan ada manusia mampu menjejakkan kaki di bulan, namun ia menjadi realiti dengan adanya sains dan teknologi.

**FAKTA**
*Planetarium Negara ditubuhkan 25 tahun lalu*

"Malaysia mempunyai inspirasi untuk menjadi negara membangun yang mempunyai kepakaran serta kemahiran dalam bidang sains dan teknologi.

"Perkembangan ekonomi kini turut memerlukan sains dan teknologi untuk membangunkan negara. Kementerian ada pelbagai inisiatif untuk rakyat khususnya golongan muda menyedari kepentingan dan minat dalam bidang ini.

"Saya harap ada antara pelajar yang menyertai program ini mampu menjadi pakar dalam sains dan teknologi satu hari nanti," katanya dalam Program *U.S Space Envoy Visit* di Planetarium Negara di sini, semalam.

Program usaha sama antara Planetarium Negara, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dihadiri bekas angkasawan Amerika Syarikat dan bekas Ketua Pengarah Agensi Angkasa Nasional (NASA), Charles Bolden bersama 120 pelajar.

Inisiatif terbaharu ini bertujuan menyemarak dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan generasi muda terutama pelajar.

Bee Yin berkata, penganjuran program itu bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-50 pendaratan manusia di bulan, selain pengisian program sempena 25 tahun penubuhan Planetarium Negara.

"Planetarium Negara dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) Apa Dilangit menganjurkan pertandingan Exoworld Malaysia untuk menamakan bintang dan planet dalam sistem suria bercirikan Malaysia," katanya.

# LAMPIRAN 11
# THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 2
# TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)

## TNB: 85% OF 'SKY HIGH BILL' COMPLAINTS RESOLVED

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) yesterday said 85% of the over 18,000 complaints from its consumers on "sky high" electricity bills in April and May, had been resolved. TNB president and chief executive officer Amir Hamzah Azizan said the utility company would try to resolve the over 3,000 complaints still remaining as soon as possible. "We saw progress in terms of resolution and are trying to focus on concluding the investigations (regarding the complaints)," he told reporters's at TNB's Aidilfitri open house here. – Bernama

**LAMPIRAN 12**
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 44**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Lynas tegaskan sisa dihasilkan disimpan dengan selamat

**KUALA LUMPUR 13 Jun** - Lynas Corporation Ltd. (Lynas) menegaskan bahawa dakwaan aktivis anti-Lynas kononnya sisa dihasilkan Lynas adalah bahaya kepada orang ramai dan tidak disimpan dengan betul adalah tidak benar.

Pengurus Besar Keselamatan Radiasi, Peraturan dan Pematuhan Lynas, Prof. Dr. Ismail Bahari berkata, menurut SIRIM Berhad (SIRIM), sisa Neutralisation Underflow Residue (NUF) yang dihasilkan oleh Lynas adalah bahan yang tidak berbahaya, tidak beracun dan tidak menunjukkan kesan kesihatan yang signifikan kepada manusia atau berisiko kepada alam sekitar.

"Lynas telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk pengkomersialan sisa NUF telah terbukti dapat menggantikan kieserite yang digunakan untuk pertanian.

"Sementara mendapat kelulusan pengkomersialan, sisa NUF Lynas disimpan di pusat penyimpanan kering NUF yang direka khas dan dibina Jabatan Alam Sekitar di bawah Peraturan 9, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

"Sisa Lynas disimpan dengan selamat dan ini telah disahkan secara bebas dalam ulasan-ulasan saintifik. Ini termasuk Jawatankuasa Kajian Semula Eksekutif 2018 yang mendapati bahawa kemudahan penyimpanan sisa Lynas dikendalikan dengan cara yang betul," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

**LAMPIRAN 13**
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 7**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# TNB resolves majority of electricity bill complaints

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) has resolved 85% of the over 18,000 "sky high" electricity bill complaints received from consumers, in April and May.

TNB president and chief executive officer Amir Hamzah Azizan said they would try to resolve the remaining 3,000 plus complaints as soon as possible.

"We saw progress in terms of resolution and are trying to focus to conclude the investigations (regarding the complaints)," he told reporters at TNB's Aidilfitri open house here.

Asked about the penalty that would be imposed by the Energy Commission on TNB over the case, Amir said he had yet to look into the matter and declined to elaborate further.

"We must understand what is the real issue and how to monitor, that is my focus.

"Nevertheless, what is important is that we resolve the problems faced by consumers first," he said yesterday.

He added necessary refunds would be credited into consumer accounts, if investigations concluded there was excess charges. — Bernama

**LAMPIRAN 14**
**THE SUN DAILY (SUNBIZ): MUKA SURAT 12**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Serba Dinamik banking on IT for growth

BY **AMIR IMRAN HUSAIN SAFRI**
*sunbiz@thesundaily.com*

**SHAH ALAM:** Serba Dinamik Group Bhd aims to further strengthen its IT division going forward to achieve a better growth.

According to group CEO Datuk Mohd Karim Abdullah, its IT business has generated RM25 million sales within the first four months of this year.

"After nurturing our IT business for two years, we expect the business to contribute RM150 million to RM200 million towards our revenue this year," he said at a media briefing yesterday.

This represents about 5% of the group's projected revenue of RM2 billion.

In addition, Serba Dinamik is also embracing Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0) for its business operations, including preparing for the challenges in smart maintenance and manufacturing.

"It is the new approach to combine traditional maintenance and manufacturing processes and technology such as Internet of Things to improve automation, communication and use of real-time data."

In its IT journey, Serba Dinamik has partnered up with Stanford University to develop AI solutions and mixed reality technology with Google.

Karim shared that one of the ideas that the group is AI automation deep sea divers that would be able to conduct repairs in high-risk deep sea environment.

In the group's commitment towards the IT business, it acquired a 30% stake in Indian IT company eNoah iSolution Pvt Ltd last year.

Serba Dinamik has earmarked RM30 million in capital expenditure for the IT division, of which some RM13 million has been utilised.

Apart from IT solutions aimed at corporates and businesses, the group is also focusing onbanking consumer-centric IT services with its QwikPay app, a QR code-based parking solution.

"The decision to go into public facing app is a strategic move on our part as we want to leverage our geographical network, spanning across multiple countries in the Middle East, Central Asia, India and Southeast Asia," explained Karim.

**LAMPIRAN 15**
**THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 2**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Clean up area near Batu Caves school, MPS urged

SELAYANG Municipal Council (MPS) is being criticised for its poor upkeep of the entrance and surrounding area of SJK(T) Batu Caves in Selangor.

Sri Maha Mariamman Temple Dhevasthanam (SMTTD) strategic communication director Siva Kumar G said MPS had turned a blind eye to the area which was not only the entrance to the school but also an entry and exit point to the Batu Caves KTM Komuter station.

"Rubbish is piled up in all corners, and there are overgrown bushes and lalang.

"This invites mosquitoes, endangering the pupils.

"There are no council rubbish bins nor is the area regularly swept and maintained by MPS," Siva added.

He said many people used this entrance to get to the Batu Caves Sri Subramaniyar Temple.

The temple and the school are the responsibility of SMMTD.

"We do not want a dengue breakout before we can see MPS swinging into action with a clean-up and fogging," said Siva.

He urged MPS to act fast as it was a public area and tourists had already complained about the eyesore.



Rubbish piled up at the side entrance to the Batu Caves temple.

**LAMPIRAN 16**
**THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**



**LAMPIRAN 17**
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

Kuala Lumpur

# Tukar 'port' buang sisa pepejal

Syarikat pengimport sisa pepejal termasuk sampah dikesan mengubah operasi dengan menjadikan pelabuhan utama negeri lain sebagai lokasi 'pendaratan' kontena dari luar negara.

Selepas Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang, kini Pelabuhan Kuching di Sarawak antara lokasi yang dikesan menjadi pilihan selepas tindakan syarikat pengimport menghantar kontena ke pelabuhan utama kini sudah berada dalam 'radar' pihak berkuasa.

Timbalan Ketua Pengarah (Penguatkuasaan dan Pematuhan) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Azimah Abdul Hamid mengakui pihaknya turut mengesan kontena berisi sisa pepejal dibawa masuk ke negara ini menerusi pelabuhan selain Pelabuhan Klang.

Menurutnya, keadaan itu berlaku selepas syarikat pengimport yang menyedari pemeriksaan lebih ketat kontena membawa sisa pepejal dari luar negara diketatkan di Pelabuhan Klang.

"Mereka (syarikat) cari peluang (bawa masuk kontena berisi sisa pepejal) ke pelabuhan lain tapi keadaan itu terkawal walaupun mereka anggap pemeriksaan tidak begitu ketat namun ternyata silap kerana penguatkuasaan diperketatkan di semua pelabuhan seluruh negara," katanya.

**LAMPIRAN 18**
**KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 14**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

TNB masih teliti baki 3,500 aduan pengguna berhubung kenaikan caj bil elektrik

# Lebih 85 peratus diselesaikan

Oleh WAN AMSYAR JAILANI

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendedahkan, lebih 85 peratus daripada 18,600 aduan serta maklum balas pengguna di seluruh negara berkaitan peningkatan caj bil elektrik berjaya diselesaikan.



AMIR

Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Amir Hamzah Azizan berkata, setakat kelmarin pihaknya menyelesaikan lebih 15,000 aduan dan masih mempunyai baki 3,500 aduan yang dalam proses penyelesaian.

"Seperti saya maklumkan sebelum ini, pihak kami menerima semua aduan dan akan siasat sepenuhnya. Setakat semalam (kelmarin), kami menerima lebih 18,600 aduan dan kira-kira 15,000 aduan berjaya selesaikan.

"Dari segi penyelesaian, kami nampak ada perkembangan. Selepas atasi semua aduan, kami akan fokus untuk selesaikan siasatan. Baki 3,500 aduan yang belum selesai akan dilakukan siasatan lebih teliti," katanya ketika menghadiri Majlis Mesra Aidilfitri TNB 2019 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB di sini semalam.

Dalam pada itu, menjawab soalan jumlah penalti yang akan dikenakan Suruhanjaya Tenaga, Amir berkata, syarikat utiliti itu masih belum meneliti perkara tersebut dan enggan mengulas lanjut.

"Buat masa ini, saya tidak melihatnya (meneliti) lagi. Namun, apa yang penting, kami selesaikan masalah pengguna terlebih dahulu.

"Setakat ini, berdasarkan siasatan yang dijalankan, jika didapati peningkatan caj bil elektrik berpunca daripada pihak TNB, kami akan pulangkan dengan cara mengkreditkan semula ke akaun pengguna," ujarnya.



SURUHANJAYA Tenaga mengesahkan berlaku kecuaian teknikal berhubung isu bil elektrik melambung tinggi yang ditanggung pengguna di seluruh negara baru-baru ini. – Gambar hiasan

**LAMPIRAN 19**
**THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 16**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Lynas critics should be magnanimous

KUDOS to the Prime Minister for allowing Lynas to continue operating in Kuantan. It was the right decision because rare earths processing is a good investment.

As a nation set on taking advantage of the growing demand for the technologically-advanced products of the new global economy, it is in our interest to have good access to the rare earths.

Critics are concerned about the safety of the rare earths waste. However, all the experts, whether international or local, do not see the waste from the processing of rare earths as health-threatening.

Equating such waste to nuclear type wastes is just irresponsible. They are miles apart. If not, why is China, a major producer of rare earths for the world, not bothered by the operation of their many rare earths plants?

In fact, as declared many times by China, rare earths have proven to be an extremely strategic material for the world in the fourth industrial revolution.

Some have even suggested that rare earths may soon replace oil as the most strategic material globally.

The strategic nature of rare earths has become even clearer in the on-going trade conflict between the United States of America and China.

It was reported that China may resort to using their rare earths supply to the US as a bargaining chip in the negotiations.

This has, to some extent, rattled the US side.

There is also talk of the US starting its own rare earths facility. There was a report of some exploratory visits to Malawi in Africa as part of the plan to find a new sources of supply.

Japan is also a major buyer of rare earths for its manufacturing sector. Having foreseen the emerging problem of securing a reliable supply of rare earths, Japan has invested in some facilities in the world, including Lynas.

So, instead of squabbling over a non-issue, we should be strategising on how to sustainably mine our own rare earths deposits.

I have been told by my geologist colleagues that we do have some feasible deposits of heavy rare earths. Talking to people in the rare earths business, it seems that in some high temperature applications, the heavy rare earths are preferred.

They are also priced higher than the light rare earths that Lynas produces.




Let's face it. We need to venture into new economic areas to help the nation grow at a healthy pace.

We must always be on the lookout for new economic opportunities as our petroleum resources cannot be there forever.

Fossil fuels have their limits. Once we have mined them all, we are left with nothing.

Oil palm production is also reaching its limits. There are no new areas available for expansion and environmental groups are also breathing down our necks.

In fact, more and more attention is being directed towards exploiting the expanding volumes of waste as new resources to cope with the growth of the world's population. By 2050, we will have 10 billion people on earth.

Depletion in natural resources has motivated many economies to look at wastes as assets. That is why interest in the circular economy has evolved.

Many developed economies now invest heavily in research and devlopment to mine such wastes for the materials needed in the various consumer products industry. We should be doing the same here.

It has been reported that the waste from the Lynas plant contains significant amounts of phosphates, which we import every year for the plantations. Why not use these and save on the high import costs?

The phosphate-rich Lynas waste would be suitable for rehabilitating the soil fertility of the land for oil palm cultivation that were mined for bauxite. At the moment, it is difficult to restart oil palm cultivation on these plots!

**Professor Datuk Dr Ahmad Ibrahim**
**Fellow, Academy of Sciences Malaysia**
**UCSI University**

**LAMPIRAN 20**
**THE SUN DAILY (FEATURES): MUKA SURAT 20**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Have your plate and eat it





Wysocki (above) with an edible and biodegradable Biotrem plate he invented which are now in use in some organic food eateries (left) in his country. – *AFP*

**POLISH** inventor and entrepreneur Jerzy Wysocki catches a still warm, brown plate as it drops out of a machine at the Biotrem factory in Zambrow in northeast Poland – and begins to eat the crunchy, fibrous tableware.

The plate does not have much of a flavour. It calls to mind dry cereal flakes or maybe what you would imagine cardboard to taste like.

But Wysocki says what matters is the tableware is biodegradable. The sexagenarian invented the plate some 15 years ago and today, Biotrem makes around 15 million of them a year.

A son and grandson of millers, Wysocki got the idea for the tableware when he was looking to use up the leftovers of flour production, which take up a lot of space.

But he says he is also driven by the desire to help a good cause, "because the amount of rubbish that pollutes oceans is huge and frightening".

"To make the plates, we only use wheat bran, which we compress at a precise pressure point and temperature, using a machine made specifically for that purpose," he explains.

Biotrem CEO Malgorzata Then acknowledges, of course, that at 15 euro cents (71 sen) a pop or 20% more for exports, wheat bran plates are more expensive than their plastic counterparts.

But "the current price of plastic doesn't factor in the environmental cost, that of recycling and marine pollution", she adds.

In favourable weather conditions, with a little humidity, wheat bran products decompose after a month, or even after two weeks if there is rain.

Biotrem distributes the plates in Europe, Asia, North America and Australia. The client Down Under had asked that they check whether earthworms would like the taste – they do.

"These aren't huge amounts, but they're enough for us to be optimistic about the future," Wysocki says.

And now with the decision by the European Union to ban plastic plates and cutlery starting in 2021, it could mean greater demand leading to a drop in the price.

Also, it should be possible to harness the same technology to make plates out of corn, barley, oats, cassava and even algae.

"With cassava, the first tests turned out really well and we already have a small group of interested clients," Wysocki adds.

Biotrem is hoping to expand its offer to edible boxes for takeaway meals and catering.

The research is already at a fairly advanced stage: the only thing left to do is to make the boxes more resistant to liquid and heat. – AFP-Relaxnews

**LAMPIRAN 21**
**THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 23**
**TARIKH: 14 JUN 2019 (JUMAAT)**

# Cyclone batters fishing hub

## India coast escapes Vayu's wrath, but severe weather still expected



**Tug and tow:** People pulling a fishing boat back to shore amid rough waves caused by Cyclone Vayu as others run to take shelter in Veraval. — AP

**VERAVAL:** A cyclone in the Arabian Sea battered an Indian fishing hub with heavy wind, wave and rain, and was forecast to still bring dangerous weather even as it veered away from the western coast.

The India Meteorological Department said yesterday that Cyclone Vayu, the season's second major storm and named after the Hindi word for wind, has jogged west, skirting the coast of the western state of Gujarat and unlikely to hit it head on as previously forecast.

Pakistan warned of rough seas and dangerous heat, though the cyclone wasn't expected to directly hit the port city of Karachi.

In anticipation of the storm, rescue workers evacuated nearly 300,000 people, taking a cue from Cyclone Fani, which came ashore on India's eastern coast in May, killing 34 people in India and 15 in neighbouring Bangladesh.

An unprecedented evacuation effort that involved relocating a million people ahead of Fani was credited with saving many lives.

Though not as severe as Fani and unlikely to make landfall, Vayu could leave dangerous conditions in its wake, Indian authorities cautioned.

Sathi Devi, the government scientist in charge of monitoring the storm, said Vayu would come closest to land at around 2pm yesterday, stirring up winds of up to 150kph before turning sharply westward into open water.

In Veraval, a hub of India's fishing industry, heavy wind and rain from Vayu battered the beaches. Fishing boats were splintered by huge waves crashing onto shore.

Local police were making a last-minute appeal to hut dwellers to leave their homes.

A blanket of steady rain poured in the coastal city of Porbandar, the birthplace of Indian independence leader Mahatma Gandhi.

With the worst averted, rescue workers, including 50 teams from the National Disaster Relief Force and around 1,000 Indian navy and army personnel, were searching for any villagers who remained in coastal areas to relocate to school buildings and other designated evacuation sites.

"We expect the high winds to remain until tomorrow morning and some disturbances to remain until around Saturday or Sunday," said Hemendra Khatma, assistant force commander.

Pakistan's meteorological department warned fishermen to stay inland this week as the cyclone could cause rough sea conditions. — AP